

Kelas prasekolah di setiap rumah panjang Sarawak

Langkah pantas Kerajaan Pusat tunai janji mulakan projek di Kampung Sapak disambut baik

Berita Harian 28/06/2016 MS 18

Oleh Misiah Taib
misiah@bharian.com.my

KETIKA melawat Bintulu, Sarawak, enam bulan lalu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan hasrat Kementerian Pelajaran mewujudkan kelas prasekolah di rumah panjang di seluruh Sarawak secara berperingkat.

Kelmarin, beliau menunaikan janjinya apabila melancarkan Prasekolah Rumah Panjang Di Sarawak, sekali gus merasmikan Prasekolah Rumah Panjang Kampung Sapak, di Pantu, Sri Aman.

Dalam tempoh begitu singkat, Kerajaan Pusat menunaikan janjinya kepada rakyat Sarawak khususnya masyarakat Dayak yang mendiami rumah panjang, selari dengan pendekatan 'Malaysia - Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Bagi Muhyiddin, kelas prasekolah di luar bandar khususnya rumah panjang di Sarawak perlu disegerakan kerana kanak-kanak di rumah panjang kini tersisih daripada sistem pendidikan awal, berikutan penempatan mereka terlalu jauh dan terpencil.

Atas kapasiti sebagai Menteri Pelajaran, beliau berasakan menjadi tanggungjawabnya bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira di mana mereka berada.

Selain bangunan Prasekolah Rumah Panjang Kampung Sapak di Pantu, tiga lagi prasekolah rumah panjang yang dibina kemENTERIannya di Sarawak dan sudah pun siap ialah di Rumah Amit, Sungai Sebungan, Sebauh; Rumah Long Laiti, Baram; dan Rumah Lubin, Sungai Bendar, Sebauh.



GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN

KERAJAAN Pusat beri perhatian pendidikan prasekolah penduduk rumah panjang di Sarawak agar mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan.

rana kosnya juga tinggi. Disebabkan itu juga saya mengumumkan bantuan geran RM10,000 bagi sebuah prasekolah jika ada penguasa tempatan bersedia membangunkan prasekolah menggunakan premis sedia ada, sebagai geran pelancaran.

"Setakat ini memang ada sambutan diberikan termasuk di Sarawak, namun dari rumah panjang belum ada sambutan diterima," katanya sambil menambah pendekatan memberi geran pelancaran itu boleh mempercepatkan usaha menyediakan kemudahan prasekolah di rumah panjang.

Namun pada masa sama dan ke arah merealisasikan sasaran meningkatkan kadar penyertaan murid prasekolah berusia empat dan lima tahun sebanyak 20 peratus daripada 67 peratus pada 2009 kepada 87 peratus pada 2012 juga, sejumlah RM300 juta diperuntukkan kemENTERIannya bagi membina 1,153 prasekolah di seluruh negara dalam tempoh dua tahun pertama Perancangan Malaysia

prasekolah di seluruh negara termasuk 7,511 kelas prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran. Sebanyak 8,525 lagi kelas prasekolah di kendalikan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sebanyak 1,643 kelas, manakala 6,412 lagi kelas di kendalikan pihak swasta.

Prasekolah di kawasan pedalaman direka bentuk berdasarkan konsep pasang siap dengan spesifikasi standard dan berkualiti serta dilengkapi peralatan dan perkakasan seperti kelas prasekolah Kementerian Pelajaran di sekolah harian lain.

Prasekolah di rumah panjang juga adalah projek perintis dan unik bagi Kementerian Pelajaran kerana buat kali pertama prasekolah dibina di luar kawasan sekolah seperti lazimnya. Pembinaan prasekolah di rumah panjang dan pusat komuniti juga selari dengan komitmen kerajaan dalam melaksanakan

kadar membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Pusat dalam merapatkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar, malah begitu menyentuh hati dan perasaan penghuni rumah panjang di Sarawak yang majoritinya adalah kaum Dayak.

"Bayangkan, sebelum ini anak cucu kami terpaksa naik perahu sehingga empat jam pada musim kemarau, jika mahu pergi ke prasekolah terdekat di Pantu. Pada hari ini bangunan prasekolah tersergam indah di sebelah rumah panjang kami dengan anak cucu kami cuma perlu berjalan kaki tidak sampai lima minit.

"Saya tidak pernah membayangkan kami akan mempunyai prasekolah betul-betul bersebelahan dengan rumah panjang kami seperti sekarang. Terima kasih kerajaan Barisan Nasional (BN), terima kasih Kerajaan Pusat," kata Ipah Kanang, 60, dari Rumah Udin, Kampung Sapak, Pantu, Sri Aman.

“ Memang sukar untuk kita menyediakan kemudahan itu di setiap rumah panjang dalam tempoh singkat. Ia perlu mengambil masa kerana kosnya juga tinggi ”

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

“ Saya tidak pernah membayangkan kami akan mempunyai prasekolah betul-betul bersebelahan dengan rumah panjang kami seperti sekarang. Terima kasih kerajaan Barisan Nasional (BN), terima kasih Kerajaan Pusat ”

Ipah Kanang
Penduduk Rumah Udin,
Kampung Sapak, Pantu, Sri Aman

Bel Baram, dan Rumah Lubin, Sungai Pandan, Sebauh.

Empat prasekolah di Sarawak itu, selain empat projek sama yang sudah siap dibina di pusat komuniti di Sabah, adalah kumpulan pertama projek seumpamanya dilaksanakan Kementerian Pelajaran, bagi memastikan kanak-kanak luar bandar mendapat peluang pendidikan sewajarnya.

Malah Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pelajaran perlu mengeluarkan kos cukup besar bagi menyediakan prasarana prasekolah di rumah panjang berikutan lokasi penempatan mereka yang jauh terpencil.

Bayangkan untuk sebuah prasekolah berkonsepkan kabin di Kampung Sapak saja, kos lebih RM400,000 telah dibelanjakan, dengan setakat ini 15 kanak-kanak dari tiga rumah panjang berhampiran iaitu Rumah Sadut, Rumah Udin dan Rumah Ajon, belajar di situ.

Keseluruhannya Sarawak mempunyai kira-kira 5,000 rumah panjang. Tentunya kos berbilion-bilion ringgit diperlukan, jika mahu membina prasekolah di setiap rumah panjang.


“Memang sukar untuk kita menyediakan kemudahan itu di setiap rumah panjang dalam tempoh singkat. Ia perlu mengambil masa ke-

seluruh negara dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Setakat ini terdapat 24,091 kelas

menyediakan kemudahan pendidikan di seluruh Sarawak.

Usaha membina prasekolah di rumah panjang di Sarawak bukan se-



DUA murid dari masyarakat Iban Rumah Panjang Kampung Sapak ceria apabila bangunan prasekolah di kampung mereka telah siap untuk digunakan.

BERNAMA

Ipah sendiri yang turut menghantar cucunya Allycia Icha, 5, ke prasekolah berkenaan berkata, sebelum ini rata-rata kanak-kanak di situ tidak berpeluang mengikuti prasekolah, berikutan jarak kawasan itu yang jauh dan terpencil.

Seorang lagi ibu yang menghantar anak ke prasekolah terbabit, Lia anak Ateng, 34, berkata anaknya Saliman Roslen, 5, cukup bertuah kerana kerajaan telah membina bangunan prasekolah yang tersergam indah dan dilengkapi segala kemudahan.

Sebelum ini katanya, penduduk di situ mempunyai dua pilihan, sama ada menaiki perahu ke Pantu yang perjalanannya cukup jauh, atau menaiki kereta pacuan empat roda dengan tambang sehingga RM10 seorang untuk satu hala perjalanan.

“Prasekolah ini adalah hadiah Gawai Kerajaan Pusat kepada penduduk di Kampung Sapak yang selama ini sentiasa setia menyokong kerajaan.

“Malah penduduk di kampung berdekatan seperti Kampung Semawa, Kampung Isu, Kampung Empaling dan Kampung Tekuyung, juga berpeluang menghantar anak mereka bersekolah di sini,” kata Minah anak Ambi, 25 dari Rumah Ajon.

“Prasekolah ini adalah

hadiah Gawai

Kerajaan Pusat kepada penduduk di Kampung

Sapak yang selama ini sentiasa setia

menyokong kerajaan.

Malah penduduk di kampung berdekatan

seperti Kampung

Semawa, Kampung Isu,

Kampung Empaling

dan Kampung

Tekuyung, juga

berpeluang

menghantar anak

mereka bersekolah di sini”

Minah anak Ambi
Penduduk Rumah Ajon